

BAHAGIAN A

Pilih jawapan yang betul dengan menulis **A**, **B** atau **C** di dalam petak yang disediakan.

1. Pakaian yang menutup _____ adalah sangat dituntut dalam Agama Islam.
A. kepala
B. aurat
C. muka
☐
2. Saya _____ dua kali setiap hari.
A. berenang
B. tidur
C. mandi
☐
3. Orang yang menunjuk-nunjuk adalah orang yang _____.
A. sombong
B. gembira
C. menangis
☐
4. Cuci kaki dengan air dan _____ agar sentiasa sihat.
A. tanah
B. sabun
C. garam
☐
5. Kebersihan kunci _____.
A. kegagalan
B. kesihatan
C. kekayaan
☐

BAHAGIAN B

Isi tempat kosong di bawah ini dengan jawapan yang betul.

matahari	tajam	menjolak	Telinga	penting
Mata	kekotoran	gelap	doktor gigi	kuku

1. Pakaian yang _____ mata adalah berdosa.
2. Kebersihan diri sangat _____.
3. Menggigit _____ boleh merosakkan gigi.
4. Kita perlu berjumpa _____ setiap 6 bulan untuk rawatan.
5. _____ sangat penting kerana ia membolehkan kita melihat.
6. Membaca buku dalam keadaan _____ boleh merosakkan penglihatan.
7. _____ membolehkan kita mendengar sesuatu bunyi.
8. Menggunakan benda _____ untuk mengorek telinga adalah bahaya.
9. Kulit kita mudah terdedah kepada _____ dan dijangkiti penyakit.
10. Jangan selalu bermain di bawah _____ yang terik.

BAHAGIAN C

Tandakan dengan **(B)** bagi kenyataan yang betul atau **(S)** bagi kenyataan yang salah di bawah ini.

No	Kenyataan	(B) atau (S)
1	Amalkan sikap membantu ayah membuat kerja.	
2	Jika lebih daripada tujuh orang, nama panggilan 'Iring' ditambah mengikut jumlah.	
3	Kuku kaki yang pendek boleh menyebabkan kecederaan.	
4	Mengorek telinga terlalu kerap atau terlalu dalam adalah tabiat buruk.	
5	Baju ketat dan tidak bertudung merupakan pakaian yang sesuai dipakai ketika membeli-belah.	

BAHAGIAN D

Lengkapkan salasilah keluarga di bawah dengan nama panggilan ahli keluarga yang betul.

Uda	Iring	Asai	Amit	Tua
-----	-------	------	------	-----

ADIK-BERADIK BAPA SAHROL

Bapa (Haji Ali)	←	
Jafri	←	
Haji Gani	←	Tengah
Salmi	←	
Hjh Lila	←	
Haji Azmi	←	
Tinah	←	Bungsu

BAHAGIAN E

Pilih dan tulis perkataan bagi makna kata pada ruang kosong di bawah ini.

	<i>Makna kata</i>	<i>Perkataan</i>	
1	Bongkak		Penglihatan
2	Jagaan perubatan		Menghias
3	Apa yang dilihat		Tuli
4	Kelakuan		Kecederaan
5	Ruang yang panjang antara dua tempat/jauh		Sombong
6	Tidak dapat mendengar		Terik
7	Luka		Jarak
8	Panas sekali		Rawatan
9	Pertolongan		Tabiat
10	Menjadikan cantik		Bantuan